

0895

U B682 BAH
MAHATHIR - TAHANAN

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BELIAU AKAN MEMINTA PENJELASAN PEGUAM NEGARA SAMADA SEMUA TAHANAN DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985 YANG DITAHAN SELAMA DUA TAHUN PERLU DIBEBASKAN EKORAN KEPUTUSAN MAHKAMAH AGUNG MEMBEBAHKAN BEBERAPA TAHANAN SEPERTI ITU BARU-BARU INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, TAHANAN LAIN AKAN DIBEBASKAN SEKIRANYA PEGUAM NEGARA MENTAFSIRKAN BAHAWA KEPUTUSAN ITU BERMAKNA TAHANAN LAIN JUGA PERLU DIBEBASKAN.

+SAYA SEDANG TANYA PEGUAM NEGARA IMPLIKASI KEPUTUSAN (MAHKAMAH AGUNG) ITU. KALAU BELIAU TAFSIRKAN BAHAWA INI BERMAKNA KITA MESTI BEBAHKAN MEREKA, KITA AKAN BEBAHKAN,+ KATA BELIAU SELAKU MENTERI DALAM NEGERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI JAMUAN TENGAH HARI BERSAMA SKUAD BADMINTON PIALA THOMAS NEGARA YANG AKAN BERTANDING DI JEPUN MULAI 25 MEI INI, DI SINI HARI INI.

PADA 3 MEI LEPAS, MAHKAMAH AGUNG DI SINI MEMBENARKAN RAYUAN 11 TAHANAN DADAH DI PULAU JEREJAK DAN PUSAT PEMULIHAN MUAR SETELAH MEMUTUSKAN BAHAWA MENTERI DALAM NEGERI TIDAK MEMPUNYAI KUASA MENGELUARKAN PERINTAH PENAHANAN YANG BARU MENGIKUT PINDAAN KEPADA SEKSYEN ITU BAGI KES-KES SEBELUM PINDAAN ITU BERKUATKUASA PADA 3 APRIL LALU.

PINDAAN ITU MEWUJUDKAN SEKSYEN 6A (2) YANG MENYEBUT SEBARANG PERINTAH BARU TAHANAN ATAU PERINTAH BUANG DAERAH, YANG MERUJUK KEPADA SEKSYEN 11B (2) TIDAK BOLEH DIANGGAP TIDAK SAH ATAU TIDAK SEMPURNA, HANYA DISEBABKAN TIADA LAPORAN BARU DIBUAT MENGIKUT SEKSYEN 3 (3) DAN SEKSYEN 5 (4) ATAU IA DIBUAT BERDASARKAN ALASAN YANG SAMA SEPERTI DALAM PERINTAH SEBELUMNYA. -- LAGI.
1725MST 16 05 90

D913

U B688 BAH
MAHATHIR - TAHANAN 2 KUALA LUMPUR

HAKIM BESAR MALAYA, TAN SRI HASHIM YEOP SANI KETIKA MEMBACAKAN KEPUTUSAN MAHKAMAH ITU BERKATA, MENTERI BERKENAAN TIDAK MEMPUNYAI KUASA MENGELUARKAN PERINTAH BARU SEKSYEN KECIL (1) SEKSYEN 6 AKTA ITU DENGAN HANYA BERGANTUNG KEPADA PERUNTUKAN SEKSYEN 11B AKTA BERKENAAN.

SEKSYEN 6 MEMBENARKAN MENTERI DALAM NEGERI MENGARAHKAN SUPAYA SESEORANG YANG TELAH ATAU ADA HUBUNGAN DENGAN KEGIATAN YANG BERKAITAN DENGAN DADAH DITAHAN SELAMA DUA TAHUN MANAKALA SEKSYEN 11B, ANTARA LAIN MENYEBUT BAHAWA MENTERI BOLEH MEMBATALKAN APA-APA PERINTAH PENAHANAN YANG DIBUAT.

PADA 7 MEI LEPAS, TIGA LAGI TAHANAN SEPERTI ITU DI PUSAT PEMULIHAN MUAR TURUT DIBEBASKAN OLEH MAHKAMAH AGUNG DI SINI. DENGAN PEMBEBAHAN ITU, TERDAPAT KIRA-KIRA 30 ORANG LAGI YANG MASIH DITAHAN.

KETIKA DITANYA MENGENAI TINDAKAN BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) MENYIASAT NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA, PROF SYED HUSSEIN AL-ATTAS, BELIAU BERKATA, BADAN ITU TIDAK PERLU MELAPORKAN KEPADANYA MENGENAI APA-APA PERKARA KERANA IA MERUPAKAN URUSAN MEREKA.

APABILA DIBERITAHU BAHAWA SEKUMPULAN PELAJAR UNIVERSITI ITU HARI INI MENDESAK SUPAYA NAIB CANSELOR ITU DIKENAKAN TINDAKAN DAN SAMA ADA KERAJAAN AKAN CAMPURTANGAN, BELIAU BERKATA: +KITA KENA LIHAT KEADAAN SEBELUM MEMBUAT APA-APA PENGAKUAN MENGENAINYA.+ -- BERNAMA.
1804MST 16 05 90